



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KAJIAN KEBERKESANAN PENGGUNAAN BUKU BERGAMBAR DALAM KEMAHIRAN MENULIS BAHASA CINA TAHUN DUA



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



CHAI CHOOI WEI
Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2020



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



**KAJIAN KEBERKESANAN PENGGUNAAN BUKU BERGAMBAR DALAM
KEMAHIRAN MENULIS BAHASA CINA TAHUN DUA**

CHAI CHOOI WEI



**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(MOD PENYELIDIKAN)**



**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2020





Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada(hari bulan)..... (bulan) 20.....

i. Perakuan pelajar :

Saya, _____ (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk _____

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejasanya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, _____ (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk _____

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah _____ (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

Tarikh

Tandatangan Penyelia





INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH / INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / Title: Kajian Keberkesanan Penggunaan Buku Bergambar Dalam
Kemahiran Menulis Bahasa Cina Tahun Dua

No. Matrik / Matric No.: M20171001228

Saya / I : Chai Chooi Wei

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) from the categories below:-

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☐ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: _____

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the related authority/organization mentioning the period of confidentiality and reasons for the said confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Saya amat bersyukur bahawa tesis ini berjaya disiapkan. Dalam usaha mengumpul bahan-bahan kajian, membangunkan perisian dan dokumentasi, penyelidikan telah mendapat bantuan secara langsung dan tidak langsung dan tidak daripada individu-individu berikut: Dr. Ng Miew Hoon – penyelia tesis yang banyak memberikan panduan dan nasihat, guru besar, guru-guru dan murid-murid Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Choong Hua 2 dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Choong Hua 1 yang terlibat dalam kajian ini, para pensyarah Fakulti Bahasa dan Komunikasi yang telah memberikan ilmu dan tunjuk ajar, rakan-rakan sepengajian yang banyak memberi bantuan dan semangat dan tidak lupa juga kepada Ayah, Bonda dan ahli keluarga yang sentiasa memberikan sokongan dan kasih sayang yang tidak terhingga kepada diri saya.





ABSTRAK

Tujuan kajian ini adalah untuk meneliti keberkesanan penggunaan buku bergambar dalam kemahiran menulis Bahasa Cina tahun dua di dua buah Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) di negeri Perak. Dua buah sekolah kajian ini dipilih secara rawak di kawasan bandar. Kajian kuasi-eksperimental dan kajian tinjauan digunakan untuk menjawab dua persoalan kajian dan dua hipotesis. Ujian pra-pasca dan soal selidik telah digunakan untuk mengukur skor pencapaian penulisan ayat dan tahap minat murid dalam kajian ini. Seramai 44 orang murid tahun dua telah dipilih menjadi responden dengan menggunakan teknik pensampelan rawak mudah. Analisis ujian-t menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan di antara penggunaan buku bergambar dan penggunaan kosa kata terhadap skor pencapaian penulisan ayat ($t = -4.066$, $p < .05$) dan tahap minat murid ($t = -19.018$, $p < 0.05$) dalam kemahiran menulis Bahasa Cina tahun dua. Dapatan ujian pra-pasca menyatakan bahawa skor pencapaian penulisan ayat murid meningkat dengan lebih ketara setelah mengikuti pengajaran yang menggunakan buku bergambar berbanding dengan pengajaran yang menggunakan kosa kata. Dapatan soal selidik pula membuktikan bahawa min skor minat murid adalah lebih tinggi bagi murid yang mengikuti pengajaran yang menggunakan buku bergambar berbanding dengan pengajaran yang menggunakan kosa kata. Kesimpulan kajian menunjukkan penggunaan buku bergambar dalam pengajaran dan pembelajaran dapat meningkatkan kesan penulisan ayat Bahasa Cina. Implikasi kajian menunjukkan bahawa penggunaan buku bergambar dalam kemahiran menulis Bahasa Cina dapat meningkatkan skor pencapaian penulisan ayat dan tahap minat pembelajaran kemahiran menulis murid.





STUDY OF THE EFFECTIVENESS OF USING PICTURE BOOKS IN STANDARD TWO STUDENTS' CHINESE SENTENCE WRITING SKILL

ABSTRACT

The purpose of this study is to identify the effectiveness of using picture books in standard two students' Chinese writing sentence skill in Chinese National School in two schools in Perak. Two schools of study were randomly selected in urban area. Quasi-experimental and survey studies were used to answer two research questions and two hypotheses. Pre-post tests and questionnaires were used to measure the sentence writing test score and the level of students' interest in this study. Forty-four standard two students were chosen as a sampel by using the technique of simple random sampling. T-test reflected a significant differences between the effectiveness using picture books and vocabulary teaching with the sentence writing test score ($t = -4.066$, $p < .05$) and the level of students' interest in this study ($t = -19.018$, $p < 0.05$). The results of the pre-post test revealed that students' sentence writing test score improved significantly which following the teaching of picture books compared to the vocabulary teaching. The results of the questionnaires also showed that the mean score of students' interest was higher for students who were following the teaching of picture books than vocabulary teaching. The study concludes that the using picture books in teaching and learning can enhance the effect of writing Chinese sentences. The implication of this study shown that the using picture books in teaching and learning has increased the achievement of Chinese sentence writing test score and the level of student's interest in standard two students.





KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi
SENARAI LAMPIRAN	xvii
BAB 1 PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Pernyataan Masalah	6
1.4 Objektif Kajian	9
1.5 Soalan Kajian	10
1.6 Hipotesis Kajian	10
1.7 Kerangka Konseptual Kajian	12



1.8 Kepentingan Kajian	13
1.8.1 Bahagian Pembangunan Kurikulum	14
1.8.2 Institusi Pendidikan	14
1.8.3 Lembaga Peperiksaan	15
1.8.4 Bahagian Buku Teks	15
1.8.5 Guru-guru	16
1.8.6 Ibu bapa	16
1.9 Skop Kajian	17
1.10 Batasan Kajian	17
1.11 Definisi Pengoperasian	18
1.11.1 Buku Bergambar	18
1.11.2 Penulisan Ayat	20
1.11.3 Minat	22
1.12 Rumusan	24

BAB 2 SOROTAN LITERATUR 26

2.1 Pendahuluan	26
2.2 Teori dan Konsep Berkaitan	27
2.2.1 Teori Perkembangan Kognitif Jean Piaget	28
2.2.2 Hubungan Teori-teori dengan Penggunaan Buku Bergambar dalam Penulisan Ayat	30
2.3 Kaedah Penggunaan Buku Bergambar Dalam Kemahiran Menulis	31
2.3.1 Konsep-konsep Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Penulisan Dengan Buku Bergambar	35
2.3.2 Cara Pengajaran Dan Pembelajaran Kemahiran Menulis Dengan Buku Bergambar	37

2.4 Kajian-kajian Lepas Berkaitan Pengajaran Dan Pembelajaran Kemahiran Menulis Dengan Buku Bergambar	39
2.4.1 Kajian-kajian Lepas Di Luar Negara	39
2.4.2 Kajian-kajian Lepas Di Dalam Negara	47
2.5 Rumusan	52

BAB 3 METODOLOGI 54

3.1 Pendahuluan	54
3.2 Reka Bentuk Kajian	55
3.2.1 Kajian Kuasi-Eksperimental	58
3.2.2 Kajian Tinjauan	62
3.2.3 Kerangka Kerja Kajian	65
3.3 Populasi dan Sampel	67
3.3.1 Pemilihan Sekolah	67
3.3.2 Ciri-ciri Guru	69
3.3.3 Pemboleh Ubah Operasional	70
3.4 Instrumen	73
3.4.1 Ujian Pra dan Ujian Pasca	74
3.4.2 Soal Selidik	75
3.4.3 Pembinaan Instrumen	83
3.4.4 Tajuk Pembelajaran Buku Bergambar	86
3.4.5 Rancangan Pengajaran Harian	89
3.5 Kesahan dan Kebolehpercayaan	92
3.5.1 Kajian Rintis	95

3.5.2 Kesahan dan Kebolehpercayaan Terhadap Ujian Pra dan Ujian Pasca	96
3.5.3 Kesahan dan Kebolehpercayaan Terhadap Skema Pemarkahan Penulisan	99
3.5.4 Kesahan dan Kebolehpercayaan Terhadap Keputusan Kajian Rintis	102
3.5.5 Rumusan Kesahan dan Kebolehpercayaan	107
3.6 Prosedur Pengumpulan Data	107
3.7 Teknik Menganalisis Data	109
3.8 Rumusan	111

BAB 4 DAPATAN KAJIAN 112

4.1 Pendahuluan	112
4.2 Dapatan Kajian	113
4.2.1 Dapatan Ujian Pra dan Ujian Pasca	113
4.2.2 Dapatan Soal Selidik	124
4.3 Rumusan	143

BAB 5 PERBINCANGAN, CADANGAN, IMPLIKASI DAN KESIMPULAN 145

5.1 Pendahuluan	145
5.2 Perbincangan	146
5.2.1 Skor Pencapaian	146
5.2.2 Tahap Minat	150
5.3 Cadangan	153
5.3.1 Modul Pengajaran Penulisan	154

5.3.2 Semakan Buku Teks	156
5.3.3 Limitasi Penyelidikan	157
5.4 Implikasi	158
5.5 Kesimpulan	159
 RUJUKAN	 161
LAMPIRAN	168



SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
2.1	Empat Peringkat Teori Perkembangan Kognitif Jean Piaget	28
3.1	Ringkasan Reka Bentuk Kajian	57
3.2	Reka Bentuk Kajian Kuasi-eksperimental	62
3.3	Populasi dan Sampel Responden	69
3.4	Maklumat Pilihan Sekolah Kajian	70
3.5	Senarai Jurnal yang Digunakan Sebagai Bahan Rujukan	76
	Penggubalan Soal Selidik	
3.6	Kandungan Soalan dalam Borang Soal Selidik	79
3.7	Kepakaran Guru-guru Penilai Borang Soal Selidik	80
3.8	Rujukan Pembinaan Soal Selidik	81
3.9	Taburan Soalan Soal Selidik	82
3.10	Skala Likert 3 Skala (1-3)	82
3.11	Langkah ASSURE yang Digunakan dalam Kajian	84
3.12	Kemahiran, Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran	86
3.13	Ringkasan Tajuk dan Pilihan Kosa Kata Bina Ayat	88
3.14	Rancangan Pengajaran Harian 1	90
3.15	Rancangan Pengajaran Harian 1 (Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan)	91



3.16	Penukaran markah kepada 100%	100
3.17	Rubrik Penskoran Jawapan Membina Ayat	101
3.18	Keputusan Ujian Rintis Kumpulan Rawatan	102
3.19	Keputusan Ujian Rintis Kumpulan Kawalan	102
3.20	Penerangan Data Skala Cronbach α	103
3.21	Nilai Koefisien α bagi kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan	104
3.22	Ujian Kolmogorov-Smirnov ^a dan Shapiro-Wilk bagi kumpulan kawalan	105
3.23	Ujian Kolmogorov-Smirnov ^a dan Shapiro-Wilk bagi kumpulan rawatan	106
3.24	Pengedaran dan Pengumpulan Instrumen	108
4.1	Skor pencapaian penulisan ayat ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan kawalan	115
4.2	Rumusan skor pencapaian penulisan ayat bagi kumpulan kawalan berdasarkan skala penskoran penulisan UPSR	116
4.3	Skor pencapaian penulisan ayat ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan rawatan	118
4.4	Rumusan skor pencapaian penulisan ayat bagi kumpulan rawatan berdasarkan skala penskoran penulisan UPSR	119
4.5	Perbandingan skor pencapaian penulisan ayat semasa ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan	120
4.6	Skor pencapaian penulisan ayat semasa ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan kawalan	121
4.7	Skor pencapaian penulisan ayat semasa ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan rawatan	122
4.8	Skala Likert 3 skala (1-3)	125
4.9	Min skor (1-3)	126



4.10	Dapatan soal selidik mengikut skala Likert dan min skor bagi kumpulan kawalan	127
4.11	Dapatan soal selidik mengikut skala Likert dan min skor bagi kumpulan rawatan	133
4.12	Min skor soal selidik bagi kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan	139





SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Konseptual Kajian	12
3.1 Kerangka Kerja Kajian	65
3.2 Hubungan di antara Pemboleh Ubah Tidak Bersandar (Penggunaan buku bergambar dan kosa kata) dengan Pemboleh Ubah Bersandar (Pencapaian murid)	72
3.3 Hubungan di antara Pemboleh Ubah Tidak Bersandar (Penggunaan buku bergambar dan kosa kata) dengan Pemboleh Ubah Bersandar (Minat murid)	73
3.4 Model ASSURE oleh Heinich, Molenda, Russell dan Smaldino	84
3.5 Kesahan dalam pengukuran	92
3.6 Konsep kaedah ujian pra-pasca	94
3.7 Konsep kaedah Cronbach	95
4.1 Min skor setiap soalan dalam soal selidik bagi kumpulan kawalan	131
4.2 Peratusan setiap kenyataan dalam soal selidik bagi kumpulan kawalan	132
4.3 Min skor setiap soalan dalam soal selidik bagi kumpulan rawatan	137
4.4 Peratusan setiap kenyataan dalam soal selidik bagi kumpulan rawatan	138
4.5 Perbandingan min skor setiap soalan dalam soal selidik bagi kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan	140
4.6 Perbandingan peratusan setiap kenyataan dalam soal selidik bagi kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan	141



SENARAI SINGKATAN

BBT	Bahagian Buku Teks
BPK	Bahagian Perkembangan Kurikulum
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
IPGM	Institut Pendidikan Guru Malaysia
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
MMI	Melindungi Masa Instruksional
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
SJKC	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina
SMS	Short Message Service
SPSS	Statistical Package for the Social Sciences
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UNESCO	United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris



SENARAI LAMPIRAN

A	Senarai Tajuk dan Buku Bergambar
B1 - B8	Rancangan Pengajaran Penulisan Minggu 1 - Minggu 8
C	Panduan Menyemak Penulisan Ayat
D1 - D23	Ujian Pra Kumpulan Kawalan
E1 - E23	Ujian Pasca Kumpulan Kawalan
F1 - F21	Ujian Pra Kumpulan Rawatan
G1 - G21	Ujian Pasca Kumpulan Rawatan
H1	Keputusan Ujian Pra dan Ujian Pasca Kumpulan Kawalan
H2	Keputusan Ujian Pra dan Ujian Pasca Kumpulan Rawatan
I1	Keputusan Soal Selidik Kumpulan Kawalan
I2	Keputusan Soal Selidik Kumpulan Rawatan
J	Surat Kelulusan Bersyarat Untuk Menjalankan Kajian
K	Maklumat Sekolah Kajian
L1 - L5	Surat Pelantikan Sebagai Guru Penilai
M1 -M10	Borang Penilaian Kesahan Bagi Instrumen Soal Selidik, Ujian Pra Dan Ujian Pasca





BAB 1

PENGENALAN



Menurut Falsafah Pendidikan Kebangsaan, tujuan pendidikan di Malaysia adalah untuk melahirkan warganegara Malaysia yang mempunyai pengetahuan, berkecekapan, berkelakuan luhur, berkomitmen terhadap tugas dan berdaya usaha mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara. (Akta Pendidikan 1996 - Akta 550)

Sejajar dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, pendekatan Kementerian Pendidikan terhadap pendidikan menumpukan perhatian dalam bidang pembangunan murid secara holistik yang menekankan pembangunan intelek, rohani, emosi, dan fizikal, seiring dengan pembinaan identiti nasional yang kukuh. Kebanyakan pakar





pendidikan menyedari kenyataan bahawa kanak-kanak memerlukan kemahiran yang lebih daripada 3M (menulis, membaca, mengira) setelah mereka menamatkan alam persekolahan. Maka, melahirkan modal insan yang berkualiti tinggi telah menjadi satu keperluan dalam era globalisasi pada abad ke-21 ini. (Laporan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, 2013)

Lantaran itu, Kementerian Pendidikan telah mendapatkan bantuan United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) untuk menilai beberapa aspek pelaksanaan kurikulum. Kurikulum pendidikan ini merangkumi tiga dimensi iaitu kurikulum bertulis, kurikulum yang diajar dan kurikulum untuk pentaksiran. Kurikulum bertulis menjelaskan bahawa pendidikan holistik perlu berdasarkan standard antarabangsa. Kurikulum yang diajar dan kurikulum untuk pentaksiran perlu selaras dengan kurikulum bertulis. Ekoran daripada itu, kurikulum bertulis ini adalah berkait rapat dengan kurikulum yang diajar di dalam kelas dan diuji pada peringkat peperiksaan awam. (Laporan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, 2013)

Dalam Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, pelbagai tanda aras dalam kurikulum bertulis telah diperkenalkan daripada pelbagai sistem pendidikan berprestasi tinggi supaya selaras dengan standard antarabangsa. Tanda aras yang ditetapkan ini adalah berdasarkan aspek pengetahuan dan kemahiran yang bersesuaian dengan peringkat umur murid. Justeru, tanda aras yang bertaraf antarabangsa ini adalah selari dengan Falsafah Pendidikan





Kebangsaan supaya dapat menghasilkan kurikulum yang sesuai dengan konteks Malaysia. (Laporan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, 2013)

1.2 Latar Belakang Kajian

Menurut Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahasa Cina Tahun Dua Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (2016), matlamat bagi murid tahun dua ialah murid berupaya menulis ayat yang ingin disampaikan dan mula menunjukkan minat terhadap penulisan. Dalam Tafsiran Umum Tahap Penguasaan Kemahiran Menulis, terdapat 6 tahap penguasaan kemahiran menulis iaitu tahap penguasaan 1 hingga tahap penguasaan 6. Murid tahun dua dididik supaya mencapai tahap penguasaan 6 iaitu murid berupaya mempamerkan kebolehan menulis, mengedit hasil penulisan serta menghasilkan penulisan kreatif dalam pelbagai genre dengan menggunakan sistem bahasa yang betul. Di samping itu, murid yang mencapai tahap penguasaan 6 merupakan murid yang menunjukkan minat dalam penulisan ayat, menulis frasa yang terdapat dalam minda, meluahkan isi hati melalui penulisan ayat, menggunakan kosa kata yang sesuai, menggunakan tanda baca yang betul dan sesuai, menggunakan ayat gramatis, menulis ayat yang lancar dari segi tatabahasa serta isi ayat yang sesuai dan tepat.

Matlamat utama dalam DSKP Bahasa Cina Tahun Dua (2016) menunjukkan bahawa Standard Kurikulum Bahasa Cina Sekolah Rendah digubal adalah untuk memupuk murid berketrampilan dalam aspek berbahasa dan dapat berkomunikasi untuk memenuhi keperluan diri, menguasai kemahiran mendengar, bertutur, membaca





dan menulis, memperoleh ilmu pengetahuan, kemahiran, maklumat, nilai dan idea serta hubungan sosial dalam kehidupan harian. Murid yang menguasai kemahiran menulis dapat meningkatkan kemahiran berkomunikasi. Kemahiran ini merangkumi kemahiran penggunaan tatabahasa dan komunikasi secara lisan. Ini dapat memupuk murid berfikir secara kritikal, kreatif dan inovatif; mampu untuk menangani masalah yang kompleks dan membuat keputusan yang beretika. Murid yang mengikuti pengajaran dan pembelajaran Standard Kurikulum Bahasa Cina Sekolah Rendah berkeupayaan untuk menghasilkan penulisan sendiri dan menguasai kemahiran menulis, serta memupuk minat dalam penulisan karya. Minat dan bakat murid dalam penulisan dapat dicungkil melalui pengajaran dan pembelajaran yang menarik.



Kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis merupakan empat jenis kemahiran utama dalam bidang bahasa. Kemahiran mendengar, kemahiran bertutur dan kemahiran membaca boleh dididik dan dipupuk secara lisan dalam proses pengajaran dan pembelajaran harian manakala kemahiran menulis perlu diajar secara bertulis. Keempat-empat jenis kemahiran ini mesti diterap dalam pengajaran dan pembelajaran supaya kemahiran menulis murid dapat diperkukuhkan. Kemahiran menulis dapat dikuasai dengan syarat menggabungkan semua kemahiran bahasa dan menghasilkan karya tersendiri. Maka, kemahiran menulis adalah sangat penting dalam bidang bahasa kerana kemahiran ini merupakan satu cara untuk berkomunikasi dalam kehidupan harian. Kemahiran menulis ini juga membolehkan seseorang itu berhubung dengan dunia luar dan meningkatkan kualiti kehidupannya. (DSKP Bahasa Cina Tahun Dua, 2016)





Falsafah Pendidikan Kebangsaan menyatakan bahawa pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi, dan fizikal, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. DSKP dihasilkan adalah untuk mencapai matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan, dengan menyepadukan enam tunjang Kerangka KSSR, mengintegrasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai, serta memasukkan secara eksplisit Kemahiran Abad Ke-21 dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) ke dalam pengajaran dan pembelajaran. Penyepaduan tersebut dilakukan untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani sebagaimana tercatat dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. (DSKP Bahasa Cina Tahun Dua, 2016)



Oleh itu, proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah perlu dipelbagaikan supaya murid berminat untuk mempelajari bahasa. Untuk menarik minat dan perhatian murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran, pendidik perlu menggunakan pelbagai kemahiran, strategi, pendekatan, teknik dan kaedah dalam pengajaran harian. Kemahiran menulis dapat ditingkatkan dengan menggunakan buku bergambar dalam pengajaran kerana buku bergambar mempunyai sifat-sifat yang unik, unggul dan misteri.





1.3 Pernyataan Masalah

Artikel Hong Li Fen dan Zhuang Hui Shan (2011) menunjukkan tahap penulisan dalam kalangan murid sekolah rendah jenis kebangsaan Cina semakin menurun. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan peratus murid yang mendapat skor A dalam penulisan Bahasa Cina dalam UPSR. Pada tahun 2010, terdapat 33% murid yang mendapat skor A dan pada tahun 2009, terdapat 35.8% murid mendapat skor A. Murid yang mendapat skor A pada tahun 2008 pula ialah 36.5%. Peratus murid yang mendapat skor A dalam penulisan Bahasa Cina dalam UPSR menunjukkan penurunan dari setahun ke setahun. Hong Li Fen dan Zhuang Hui Shan berpendapat bahawa punca utama tahap penulisan menurun disebabkan oleh kekurangan isi kandungan, isi kurang menarik, penggunaan kosa kata yang tidak tepat dan isi yang mengelirukan. Tahap penulisan yang semakin menurun ini amat merisaukan pihak pendidik, para ibu bapa dan masyarakat Cina di Malaysia. Isu ini telah menjadi satu fenomena yang dianggap serius dan memerlukan penyelidikan secara saintifik dan spesifik untuk mencari strategi bagi meningkatkan tahap penulisan murid dan menambahbaik strategi pengajaran dan pembelajaran guru Bahasa Cina.

Fang Yi Liang (2015) dalam rencana Oriental Daily melaporkan bahawa Bahasa Cina di Malaysia berbeza dengan Bahasa Cina di negara China dan Taiwan kerana mengandungi unsur “Rojak”. Ini bererti terdapat campuran bahasa lain di dalam Bahasa Cina di Malaysia. Fenomena ini menyebabkan asas penguasaan Bahasa Cina dalam kalangan masyarakat Cina adalah kurang memuaskan jika dibandingkan dengan negara China dan ini turut mengakibatkan kesukaran dalam usaha





menunjukkan keistimewaan Bahasa Cina di Malaysia. Menurut kajian Hong (2005), bahasa dialek dalam masyarakat Cina di Malaysia adalah seperti Hokkien, Fuchow, Guangdong, Teowchew, Hainan dan Hakka. Bahasa dialek ini telah mempengaruhi penggunaan bahasa murid-murid dalam komunikasi dan penulisan. Ekoran daripada itu, didapati murid menghadapi masalah penggunaan kosa kata dalam penulisan ayat. Kebanyakan murid tidak dapat membina ayat yang gramatis, ayat yang dibina tidak mengikut struktur dan penguasaan perbendaharaan kata adalah rendah. Hal ini disebabkan oleh kebanyakan murid tahap rendah menggunakan bahasa dialek sebelum masuk ke sekolah rendah. Bahasa dialek ini telah mempengaruhi murid tahap rendah dalam penguasaan struktur ayat. (Fang Yi Liang, 2015)



Menurut Mielonen dan Paterson (2009), terdapat beberapa kaedah yang digunakan dalam didik hibur dapat meningkatkan kemahiran membaca, menulis dan juga membentuk kemahiran sosial kanak-kanak. Ekoran daripada itu, aktiviti pembelajaran yang berunsur didik hibur seperti buku bergambar dapat menarik minat pembelajaran murid dalam proses pembelajaran dan pengajaran. Buku bergambar dapat menarik minat murid untuk menumpukan perhatian semasa pengajaran dijalankan. Dengan itu, murid bermotivasi untuk meneruskan pembelajaran itu. Apabila seseorang murid berminat dalam pembelajaran, dia dapat mempelajari sesuatu pembelajaran dengan baik. Maka dengan tarikan minat pembelajaran, murid akan dapat mencapai objektif pembelajaran pada akhir sesuatu pengajaran dan pembelajaran. (Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Jilid 5, 2016)





Che Zanariah dan Fadzilah (2011) telah meninjau aspek pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis di sekolah rendah. Beliau mendapati bahawa pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis masih berada pada tahap sederhana dan belum mencapai objektif yang disasarkan. Hal ini disebabkan oleh sikap dan aplikasi strategi guru yang masih kurang memuaskan sementara masalah yang dihadapi menjadi penghalang kepada pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis yang berkesan di sekolah rendah. (Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Jilid 5, 2016)

Menurut Teori Perkembangan Kognitif daripada Jean Piaget, tahap perkembangan kognitif kanak-kanak yang berumur 7 tahun berada di antara peringkat pra-operasi dan operasi konkrit. Peringkat pra-operasi merupakan kanak-kanak yang berumur 2 hingga 7 tahun, golongan ini dapat menggunakan bahasa secara perlahan dan dapat berfikir dalam bentuk simbolik. Manakala peringkat operasi konkrit merujuk kepada kanak-kanak yang berumur 7 hingga 11 tahun, golongan ini dapat menyelesaikan masalah konkrit, memahami konsep pengekalan dan dapat membuat klasifikasi. (Dr.Ragbir Kaur, 2013)

Berpandukan konsep Teori Perkembangan Kognitif daripada Jean Piaget, murid-murid tahun dua berada di peringkat operasi konkrit. Golongan ini memerlukan PdP yang berunsur didik hibur dan kandungan PdP perlu mengandungi unsur pengekalan. Unsur pengekalan ini dapat diterapkan melalui bahan bantu mengajar iaitu buku bergambar. Menurut guru pakar sastera dari negara China, Li Zu Wen





(2017), gambar dapat mencetus minda murid terhadap sesuatu perkara. Gambar yang menarik dalam buku bergambar dapat membantu murid-murid mengingat sesuatu pembelajaran dan berlakunya proses pengekalan. Lantaran itu, ia dapat membantu dalam usaha meningkatkan tahap penulisan ayat dalam kalangan murid tahap rendah. Usaha berterusan ini akan dapat menyelesaikan masalah penurunan tahap penulisan dalam kalangan murid sekolah rendah jenis kebangsaan Cina. Oleh itu, buku bergambar boleh dijadikan sebagai satu bahan bantu mengajar dalam pengajaran penulisan ayat. (He Jie, 2017)

1.4 Objektif Kajian



Objektif kajian ini adalah untuk :

- i. Mengenal pasti perbezaan dalam skor pencapaian penulisan ayat terhadap penggunaan buku bergambar dengan penggunaan kosa kata dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis Bahasa Cina.
- ii. Mengenal pasti perbezaan terhadap kesan minat murid selepas mengikuti pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis Bahasa Cina dengan penggunaan buku bergambar dan penggunaan kosa kata.





1.5 Soalan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menjawab soalan kajian seperti yang berikut:

- i. Apakah perbezaan dalam skor pencapaian penulisan ayat terhadap penggunaan buku bergambar dengan penggunaan kosa kata dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis Bahasa Cina?
- ii. Apakah perbezaan terhadap kesan minat murid selepas mengikuti pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis Bahasa Cina dengan penggunaan buku bergambar dan penggunaan kosa kata?



1.6 Hipotesis Kajian

H_{01} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam skor pencapaian penulisan ayat terhadap penggunaan buku bergambar dengan penggunaan kosa kata dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis Bahasa Cina.

H_{a1} : Terdapat perbezaan yang signifikan dalam skor pencapaian penulisan ayat terhadap penggunaan buku bergambar dengan penggunaan kosa kata dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis Bahasa Cina.






H₀₂: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap kesan minat murid selepas mengikuti pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis Bahasa Cina dengan penggunaan buku bergambar dan penggunaan kosa kata.

H_{a2}: Terdapat perbezaan yang signifikan terhadap kesan minat murid selepas mengikuti pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis Bahasa Cina dengan penggunaan buku bergambar dan penggunaan kosa kata.



1.7 Kerangka Konseptual Kajian



Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kajian



1.8 Kepentingan Kajian

Kemahiran menulis ayat merupakan satu kemahiran asas dalam kemahiran bahasa. Kemahiran menulis ayat ini amat penting bagi seseorang murid pada tahap satu kerana kemahiran ini merupakan asas penguasaan kemahiran menulis. Melalui penguasaan kemahiran menulis, murid dapat mengaplikasikan maklumat dalam pelbagai bentuk penulisan bagi menyampaikan idea mereka. Maka, kajian ini perlu dijalankan untuk mendapatkan maklumat dan data berhubung dengan masalah yang dihadapi dalam pengajaran dan pembelajaran penulisan ayat Bahasa Cina Sekolah Jenis Kebangsaan Cina pada peringkat tahap satu.



Memandangkan masalah tahap penulisan dalam kalangan murid di Sekolah

Rendah Jenis Kebangsaan Cina yang semakin menurun ini amat merisaukan pihak pendidik, terutamanya golongan masyarakat Cina. Oleh itu, langkah penyelesaian perlu diambil bagi mengatasi masalah yang timbul ini supaya tahap penulisan murid di sekolah rendah dapat dipertingkatkan. Kajian ini diumpamakan sebagai satu usaha untuk mengatasi dan menyelesaikan masalah pengajaran dan pembelajaran penulisan ayat Bahasa Cina khususnya pada peringkat tahap satu di sekolah rendah agar masalah ini tidak akan berterusan dan menjejaskan penguasaan kemahiran penulisan murid-murid pada tahap dua. Diharapkan hasil kajian ini sedikit sebanyak dapat membantu serta menilai pengajaran dan pembelajaran penulisan ayat murid tahap satu agar selaras dengan Kurikulum Standard Sekolah Rendah.



Justeru, hasil kajian ini diharapkan dapat dijadikan salah satu sumber rujukan bagi pihak-pihak yang berkenaan seperti berikut:

1.8.1 Bahagian Pembangunan Kurikulum

Bahagian Pembangunan Kurikulum dapat menggunakan hasil kajian ini sebagai satu panduan dalam usaha menambahbaiki kualiti dan meningkatkan taraf pendidikan melalui penggubalan dan pembangunan kurikulum yang relevan dan berkualiti untuk semua peringkat sekolah rendah.

1.8.2 Institusi Pendidikan

Hasil kajian ini dapat menjadi satu sumber bagi pihak institusi pendidikan seperti Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM). Bahan sumber ini diharapkan dapat meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dalam bidang penulisan ayat Bahasa Cina. Kajian ini juga berguna bagi para guru pelatih yang sedang menjalankan praktikum di sekolah. Mereka dapat menjadikan kajian ini sebagai sumber rujukan dalam perancangan aktiviti pengajaran harian.



1.8.3 Lembaga Peperiksaan

Hasil kajian penggunaan buku bergambar dalam aktiviti PdP diharapkan dapat meningkatkan minat membaca murid dan menjana idea berfikir secara kritis dan kreatif murid-murid dalam bidang penulisan. Hasil kajian ini dapat dijadikan satu panduan kepada Lembaga Peperiksaan dalam penyediaan kandungan kertas soalan pemahaman dan penulisan yang dapat menjana idea murid-murid pada masa yang akan datang.

1.8.4 Bahagian Buku Teks



Hasil kajian ini dapat menjadi satu panduan kepada Bahagian Buku Teks dalam proses menyunting isi kandungan buku teks. Isi kandungan buku teks merupakan satu sumber yang amat penting dalam PdP. Guru-guru menggunakan DSKP dan buku teks dalam penyediaan Rancangan Pengajaran Tahunan, Rancangan Pengajaran Mingguan dan Rancangan Pengajaran Harian. Isi kandungan buku teks bukan sahaja dapat memberi idea-idea yang bernas kepada para guru, malahan murid-murid juga akan berminat untuk membaca buku teks semasa atau selepas persekolahan. Oleh itu, isi kandungan buku teks memainkan peranan yang sangat penting dalam usaha menarik minat membaca murid.





1.8.5 Guru-guru

Guru-guru boleh menjadikan hasil kajian ini sebagai satu panduan dalam pengajaran menulis ayat pada tahap satu. Penulisan ayat yang diajar dengan menggunakan buku bergambar dapat mencetus pemikiran kritis dan kreatif murid serta mencapai objektif penulisan.(Cao Ai Wei, 2016, ms12) Guru-guru boleh membuat perancangan penulisan ayat satu waktu dalam seminggu. Perancangan ini boleh diselaraskan dengan tema dan tajuk berpandukan Rancangan Pengajaran Tahunan. Dengan penggunaan buku bergambar dalam PdP, aktiviti menulis ayat dapat dipelbagaikan dan suasana pembelajaran juga menjadi lebih kondusif dan seronok. Guru-guru akan mendapat input dan idea baharu dalam merancang aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Murid-murid pula dapat meningkatkan kemahiran menulis melalui buku bergambar.



1.8.6 Ibu bapa

Kajian ini dapat memberi panduan kepada pihak ibu bapa tentang cara memupuk minat murid dalam kemahiran membaca buku bergambar dan selanjutnya melatih murid dalam kemahiran menulis. Pembelajaran secara meniru gaya penulisan ayat-ayat yang gramatis dimulakan melalui cara membaca hasil karya seperti buku bergambar. Penulis Jepun, Song Ju Zhi berpendapat bahawa hubungan di antara ibu bapa dengan anak akan bertambah erat dan harmoni melalui bacaan buku bergambar daripada ibu bapa kepada anak. (Song Ju Zhi, 2017, ms94)





1.9 Skop Kajian

Kajian ini hanya dijalankan di dua buah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, daerah Batang Padang, Negeri Perak Darul Ridzuan. Data dikutip dalam 8 minggu yang telah dirancang. Murid hanya akan didedahkan selama 30 minit dalam setiap kali perjumpaan.

Kajian ini hanya tertumpu pada penulisan ayat Bahasa Cina dengan penggunaan buku bergambar. Buku bergambar ini mengandungi gambar dan ayat, kandungan buku bergambar ini ditayangkan menerusi Microsoft Powerpoint.



1.10 Batasan Kajian

Kajian ini dijalankan di dua buah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, daerah Batang Padang, Negeri Perak Darul Ridzuan. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji kesan penggunaan buku bergambar terhadap penulisan ayat Bahasa Cina murid. Dalam kajian ini, hanya terdapat 21-23 responden dalam setiap kumpulan kajian. Sampel kajian juga terhad kepada murid tahun dua sahaja. Tambahan pula, tempoh kajian ini juga terhad iaitu mengambil masa selama 8 minggu sahaja.





Skop penggunaan buku bergambar yang digunakan termasuklah buku bergambar yang berunsur manusia dan binatang. Pemilihan buku bergambar ini ditentukan oleh pengkaji sendiri. Pilihan buku bergambar ini tertakluk kepada tema dalam buku teks Bahasa Cina tahun dua. Pengkaji memilih jenis buku bergambar yang sepadan dengan tema dalam buku teks Bahasa Cina. Skop penulisan ayat pula merangkumi ayat mudah yang mengandungi kata nama, kata kerja dan kata adjektif.

Kaedah Kuasi-eksperimental digunakan dalam kajian penyelidikan. Data pula dianalisis secara deskriptif dan inferensi.



1.11 Definisi Pengoperasian

Dalam kajian ini, beberapa konsep yang penting akan digunakan:

1.11.1 Buku Bergambar

Perkataan “buku bergambar” berasal daripada perkataan Bahasa Inggeris iaitu “Picture books”. Ini membawa makna buku bergambar ialah “buku yang dilukis”. Definisi buku bergambar dalam bahasa Cina dikenali sebagai “Tu Hua Shu 图画书”, manakala dalam bahasa Jepun pula dikenali sebagai “Hui ben 绘本”. Buku bergambar





ini kemudian dibawa ke negara Taiwan. Perkataan “Hui ben 绘本” yang didefinisikan dalam bahasa Jepun digunakan untuk mengelakkan kekeliruan buku bergambar dengan buku cerita. Zhu Zhi Qiang (2015) menyatakan pendapat beliau dalam buku “Qin Jin Tu Hua Shu 亲近图画书” bahawa buku bergambar merupakan karya yang mengandungi unsur tulisan dan gambar. Dengan kata lain, buku bergambar ialah sesuatu hasil karya kesenian yang kreatif. (Zhu Zhi Qiang, 2015)

Barbara Bader (1976) berpendapat bahawa buku bergambar ialah sesuatu teks, ilustrasi, rekaan bentuk keseluruhan, barang buatan, produk komersial, dokumen sosial, budaya, sejarah dan terutamanya pengalaman kanak-kanak. Dari segi kesenian, buku bergambar bergantung kepada gambar dan perkataan yang dicetak serentak pada dua halaman. Isi cerita dalam buku bergambar adalah disusun secara berterusan.

(Barbara Bader, 1976)

Dalam pengertian melalui Wikiperdia, buku bergambar menggabungkan naratif visual dan lisan dalam bentuk buku. Buku bergambar ini paling kerap dibaca oleh golongan kanak-kanak. Imej atau foto dalam buku bergambar menggunakan pelbagai media seperti cat minyak, akrilik, cat air, pensel dan sebagainya. (https://en.wikipedia.org/wiki/Picture_book, diakses pada 16 Januari 2018)

Di samping itu, buku bergambar bermaksud sesuatu karya kreatif yang dihasilkan dalam bentuk buku. Buku bergambar tidak sama seperti buku cerita biasa. Buku cerita mengandungi gambar dan tulisan yang panjang lebar manakala buku bergambar mengandungi gambar yang besar dan tulisan yang pendek. Keistimewaan sebuah buku bergambar ialah isi cerita buku bergambar bermula dari muka depan





hingga muka akhir buku bergambar. Dengan kata lain, setiap halaman dalam buku bergambar membawa makna yang tersendiri. Terdapat buku bergambar yang hanya mengandungi gambar sahaja, jenis buku bergambar ini lebih digunakan sebagai bahan bacaan kanak-kanak yang belum mengenali perkataan. Golongan kanak-kanak ini membaca buku bergambar dengan melihat gambar yang menarik dan mereka memahami isi cerita dengan kefahaman sendiri. Pada masa yang sama, kanak-kanak juga mempelajari cara menyelesaikan masalah dalam kehidupan harian. (Fang Su Zhen, 2015, ms.21)

Oleh itu, kajian ini akan menggunakan buku bergambar sebagai satu kaedah pengajaran kemahiran menulis ayat supaya murid dapat menunjukkan minat dan motivasi dalam penulisan ayat. Kajian ini mengikuti kehendak Modul Kemahiran Menulis dalam DSKP KSSR iaitu murid juga digalakkan menggunakan kreativiti mereka untuk menghasilkan penulisan berunsur pengetahuan dan imaginasi. Penguasaan kemahiran bahasa ini diperoleh melalui situasi dan konteks dalam pelbagai bahan prosa, puisi dan grafik. Maka, penggunaan buku bergambar dapat meningkatkan imaginasi murid dalam pembelajaran.

1.11.2 Penulisan Ayat

Dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahasa Cina Tahun Dua (2016), penulisan ayat merujuk kepada asas bagi penulisan karangan. Penulisan ayat diutamakan pada tahap satu. Tujuan utama penulisan ayat ialah murid dapat menulis perkataan yang ingin disampaikan, mencungkil minat menulis murid dan





menggalakkan murid menulis dengan penuh keyakinan. Penulisan ayat juga merupakan satu peringkat asas untuk memupuk kemahiran pemerhatian murid. Peringkat ini dapat membimbing murid memerhati aktiviti dalam kehidupan harian, menjalankan aktiviti harian, maka murid dapat menulis perkara yang berlaku sebenar dalam kehidupan harian. (Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahasa Cina Tahun Dua, 2016)

Standard pembelajaran dalam DSKP Bahasa Cina Tahun Dua (2016) menyatakan bahawa kriteria penulisan yang memenuhi kehendak menulis ayat ialah murid menunjukkan minat menulis ayat, definisi menulis ayat ialah “tangan saya menulis mulut (perkataan) saya”, menulis perkataan yang disebut oleh diri sendiri, menjadikan perkataan yang disebut itu dalam bentuk tulisan. Dengan kata lain, murid dapat menulis ayat yang ingin disampaikan dengan perasaan sendiri dan ayat yang ditulis itu mengandungi perkataan yang gramatis. (Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahasa Cina Tahun Dua, 2016)

Standard pembelajaran dalam DSKP Bahasa Cina Tahun Dua (2016) menyatakan bahawa pada akhir pembelajaran, murid dapat menunjukkan minat untuk menulis ayat, berupaya menulis kehendak dan perasaan sendiri, ayat yang ditulis mengandungi perkataan yang menarik, menggunakan tanda baca yang betul, struktur ayat yang betul. (Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahasa Cina Tahun Dua, 2016)

Justeru, penulisan ayat dalam kajian ini menepati kriteria tahap penguasaan dalam Standard Prestasi Kemahiran Menulis. Dengan kata lain, penulisan bermaksud





sesuatu tulisan yang dihasilkan dalam bentuk perkataan, frasa dan ayat. Karya yang dihasilkan atas kreativiti dan inovatif seseorang murid. Karya tersebut perlu menepati kriteria asas penulisan iaitu struktur ayat dan tanda baca yang betul. Hasil penulisan murid pada akhirnya dapat dijadikan model teladan kepada rakan-rakan. Pada masa yang sama, murid yang diajar dengan penggunaan buku bergambar juga dapat mencapai matlamat KSSR yang menyatakan bahawa kemahiran menulis perkataan dapat melahirkan idea melalui pelbagai jenis penulisan yang berkaitan dengan ilmu pengetahuan dan pengalaman peribadi yang telah dilalui.

1.11.3 Minat



Eysenck (1972) berpendapat bahawa minat merupakan sesuatu kecenderungan untuk tingkah laku yang berorientasi pada objek, kegiatan atau pengalaman tertentu, dan kecenderungan tersebut di antara seseorang individu dengan individu yang lain.

Crow & Crow (1976) menyatakan bahawa minat adalah sesuatu hal yang memiliki hubungan dengan daya gerak yang akan mendukung seseorang untuk tertarik pada sesuatu benda, pada orang atau kegiatan tertentu. Kebiasaannya, ini juga berbentuk pengalaman yang cukup efektif. Biasanya minat bermula daripada sesuatu perkara yang sering dilakukan dalam kehidupan harian.





Nugroho (1982) berpendapat bahawa minat adalah perasaan yang lebih suka dan berkaitan pada sesuatu hal atau perkara tanpa disuruh oleh orang lain. Secara amnya, minat merupakan sesuatu penerimaan dalam hubungan di antara diri sendiri dengan sesuatu di luar diri, semakin kuat atau dekat hubungan tersebut, maka semakin besarnya minat seseorang.

Kartikawati (1995) berpandangan bahawa minat merupakan sesuatu sikap yang menyebabkan individu berasa senang hati atau suka hati terhadap sesuatu objek, situasi atau idea-idea tertentu sehingga individu itu berusaha untuk memperoleh objek yang disenangi dan menarik perhatiannya.



Berdasarkan pendapat Pintrich dan Schunk (1996) , beliau membahagikan definisi minat kepada tiga aspek iaitu minat peribadi, minat situasi dan minat dalam rumusan psikologi. Pertama, minat peribadi bermaksud minat yang berasal daripada peribadi atau karakteristik individu yang relatif stabil. Kedua, minat situasi merujuk kepada minat yang berhubungan dengan keadaan lingkungannya seperti bilik darjah, komputer dan buku teks yang dapat membangkitkan minat. Ketiga, minat dalam rumusan psikologi pula bermaksud perpaduan di antara minat peribadi dengan minat situasi.





Menurut Kamus Pelajar Edisi Kedua secara atas talian, definisi minat merujuk kepada keinginan atau kecenderungan kepada sesuatu perkara. Minat juga bersinonim dengan kesukaan, kegemaran, kecenderungan, keghairahan, kecondongan dan hobi.

Oleh itu, buku bergambar dalam kajian ini memainkan peranan sebagai satu bahan bantu mengajar dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran penulisan ayat. Dengan menggunakan buku bergambar dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran penulisan ayat, murid akan menunjukkan minat untuk mempelajari sesuatu perkara yang baharu. Mereka akan tertarik dengan keistimewaan buku bergambar iaitu gambar yang besar, berwarna-warni dan isi cerita yang menarik hati. Maka dengan penggunaan buku bergambar, murid akan lebih menumpukan perhatian semasa guru sedang mengajar, mereka akan dapat belajar cara menulis ayat dengan menggunakan buku bergambar. Penggunaan buku bergambar dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran penulisan ayat bukan sahaja dapat meningkatkan kemahiran penulisan ayat murid, malahan dapat memberi kesan positif terhadap minat murid dalam kemahiran penulisan ayat.

1.12 Rumusan

Sebagai rumusan, pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis harus ditetapkan dengan penggunaan buku bergambar yang berkesan agar usaha untuk meningkatkan penguasaan kemahiran menulis ayat dalam kalangan murid dapat





dicapai. Guru memainkan peranan yang sangat penting dalam mencapai hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia yang sedang dilaksanakan. Diharapkan hasil kajian ini dapat dijadikan sebagai satu bahan rujukan atau cadangan kepada guru-guru Bahasa Cina di sekolah rendah jenis kebangsaan Cina untuk menambahbaik pengajaran dan pembelajaran mereka di samping mengintegrasikan unsur buku bergambar dalam pengajaran dan pembelajaran penulisan ayat Bahasa Cina.

